



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

“
**KERATAN
AKHBAR
KESUMA**”

**SELASA
26 Ogos 2025**



Hak, nasib 1.2 juta pekerja gig dibela

Dalam usaha memperkukuhkan ekosistem ekonomi gig yang semakin berkembang, lebih 1.2 juta pekerja gig di negara ini bakal diberi hak merundingkan gaji, waktu kerja dan faedah asas yang lebih adil. Ia antara empat teras utama dicadangkan dalam Rang Undang-Undang (RUU) Pekerja Gig 2025 yang dibentangkan untuk bacaan kali pertama di Dewan Rakyat, semalam.

Oleh Muhammad Yusri Muzamir → Nasional 4



4

Nasional

Selasa, 26 Ogos 2025 BH

Rang Undang-Undang bukti kerajaan bela suara pekerja gig

Detik penting iktiraf lebih 1.2 juta pekerja melalui ekosistem adil, progresif serta inklusif

Oleh Mohd Nasarudin Parzi dan Muhammad Yusri Muzammir
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Bacaan kali pertama Rang Undang-Undang (RUU) Pekerja Gig 2025 di Dewan Rakyat, semalam membuktikan kerajaan proaktif dalam membela suara dan hak pekerja sektor gig di negara ini.

Ia juga menjadi detik penting untuk mengiktiraf lebih 1.2 juta pekerja gig di seluruh negara melalui ekosistem ekonomi gig lebih adil, progresif dan inklusif.

Menteri Sumber Manusia, Steven Sim, berkata RUU itu memberi tumpuan kepada empat teras utama iaitu definisi pekerja gig, pendapatan atau kadar bayaran, mekanisme penyelesaian pertikaian dan perlindungan sosial.

"Melalui RUU ini, adanya mekanisme kilanan (tidak puas hati, di mana kalau berlaku pertikaian, kita ada proses formal (untuk menyelesaikannya)," katanya pada sidang media di Pusat Media Parlimen, semalam.

Langkah itu menyaksikan Malaysia bakal menyertai 15 negara terawal di dunia yang memberikan definisi jelas kepada pekerja gig.

"Begitu juga isu mengenai bayaran, ia antara aduan utama pekerja gig ini. Mereka (sebelum



Sim (tengah) bersama wakil persatuan dan kesatuan pekerja berkaitan sektor gig menunjukkan kertas Rang Undang-Undang Pekerja Gig 2025 pada sidang media di Pusat Media di Parlimen, semalam. (Foto BERNAMA)

ini) tidak ada apa-apa hak dalam penentuan isu kadar bayaran.

"Tetapi dengan adanya RUU ini, pekerja dan majikan sama-sama akan ada hak menentukan hala tuju mengenai bayaran, malah dilindungi dari segi keselamatan sosial, melalui jaminan di bawah Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)," katanya.

Beliau berkata, RUU Pekerja Gig 2025 adalah undang-undang baharu yang pertama diwujudkan bagi menjaga kebajikan pekerja sektor gig di negara ini.

"Melalui mandat Perdana Menteri pada Mac 2024 kepada Kementerian Sumber Manusia untuk melihat mekanisme perlindungan pekerja gig, maka hari ini (semalam) kita berjaya mem-

bacakan bacaan pertama RUU Pekerja Gig 2025.

"RUU ini melalui pelbagai sesi libat urus merentas Kementerian dan kerajaan negeri khususnya kerajaan negeri Sabah dan Sarawak.

"Malah, kita juga melalui hampir 40 sesi libat urus dengan pemegang taruh, syarikat platform, wakil pekerja, wakil majikan, persatuan pekerja gig, NGO (pertubuhan bukan kerajaan), ahli akademik dan sebagainya," katanya pada sidang media mengenai RUU Pekerja Gig 2025 di Pusat Media Parlimen, di sini semalam.

Sejak 22 Oktober sehingga 7 Ogos lalu, Sim berkata, Kementerian itu menganjurkan sebanyak 37 sesi libat urus dengan

pelbagai pemegang taruh antaranya 14 sesi bersama Kementerian, agensi serta kerajaan Sabah dan Sarawak, 13 sesi bersama pekerja gig, penyedia platform dan bukan platform dan tujuh sesi bersama pemegang taruh serta pemain industri di enam zon utama iaitu di utara, tengah, selatan, pantai timur, Sabah dan Sarawak.

Sesi libat urus

Katanya, lebih 4,000 pemegang taruh menyertai sesi libat urus untuk menghasilkan RUU berkenaan, malah Kementerian turut menerima lebih 500 maklum balas secara dalam talian dengan kesemuanya diambil kira dalam proses penggubalan RUU berkenaan.

Mengulas lanjut, Sim yang juga Ahli Parlimen Bukit Mertajam berkata, RUU terbabit merangkumi 10 bahagian dengan 112 fasal.

Sehubungan itu, Sim berharap semua pihak dapat menerima baik RUU bersejarah itu dalam usaha kerajaan untuk membela nasib pekerja gig di negara ini dan demi menjaga kebajikan ahli keluarga mereka.

Katanya, keringat pekerja gig yang berjuang setiap hari untuk mencari rezeki halal demi keluarga tidak seharusnya dipandang enteng, justeru RUU ini menjadi sandaran untuk mengubah nasib, masa depan serta menyediakan ekosistem ekonomi gig lebih holistik dan terjamin untuk mereka.

Lebih 1.2 juta dapat hak runding gaji, syarat kerja

Kuala Lumpur: Lebih 1.2 juta pekerja gig di negara ini bakal mendapat hak merundingkan gaji dan syarat kerja adalah antara perkara dimasukkan dalam Rang Undang-Undang (RUU) Pekerja Gig 2025 yang dibentangkan untuk bacaan kali pertama di Dewan Rakyat, semalam.

RUU berkenaan antara lain membolehkan pekerja gig mewujudkan proses jelas bagi pertikaian industri menerusi penubuhan Tribunal Pekerja Gig yang bakal ditubuhkan selepas akta itu diluluskan kelak.

Penggubalan RUU yang memberi tumpuan kepada empat teras

utama dan merangkumi 10 bahagian dengan 112 fasal itu juga bakal memperkukuh ekosistem ekonomi gig lebih adil, progresif dan inklusif.

Berdasarkan naskah biru, RUU itu antara lain bertujuan mengadakan peruntukan bagi terma dan syarat perlu dinyatakan dalam perjanjian perkhidmatan bagi maksud melindungi hak pekerja gig.

Fasal 4 memastikan perjanjian pekerja gig sedia ada kekal sah dan terus memberi faedah di bawah akta baharu.

Fasal 5 memperuntukkan mana-mana terma dan syarat tidak

memihak kepada pekerja gig di bawah perjanjian perkhidmatan hendaklah terbatal.

Fasal 6 pula bertujuan mengadakan peruntukan mana-mana terma dan syarat lebih memihak kepada pekerja gig, berbanding mana-mana terma dan syarat di bawah akta dicadangkan perlu menjadi sah.

Fasal 7 memperuntukkan jika apa-apa perkara tidak diperuntukkan di bawah akta dicadangkan, perkara itu tidak dihalang daripada diperuntukkan dalam perjanjian perkhidmatan atau dirundingkan antara entiti kontrak dengan pekerja gig.

Bahagian III RUU itu adalah berkaitan peruntukan berbundung pekerja gig dan hak dilindungi di bawah akta dengan Fasal 8 bertujuan mengadakan peruntukan hak pekerja gig, termasuk hak tambahan jika entiti kontrak adalah penyedia platform.

Fasal 9 bertujuan melarang entiti kontrak daripada menghalang hak pekerja gig mempunyai perjanjian dengan pihak lain, mendiskriminasi mana-mana pekerja gig berkenaan dengan perjanjian perkhidmatan atau menamatkan perjanjian perkhidmatan secara tidak adil.

Sementara itu, Bahagian IV

RUU adalah berkaitan mekanisme kilanan (pertikaian) dalaman dan proses perdamaian di bawah akta dicadangkan dengan Fasal 17 bertujuan mengadakan peruntukan bagi mekanisme kilanan dalaman yang perlu disediakan entiti kontrak selain seorang individu atau pemunya tunggal.

Bahagian V RUU itu pula berkaitan Tribunal Pekerja Gig dan perkara berkaitan lain dengan Fasal 24 bertujuan mengadakan peruntukan bagi penubuhan Tribunal Pekerja Gig dan Fasal 25 bagi mewujudkan peruntukan keanggotaan tribunal, terma jawatan dan elaan.

11 Selasa, 26 Ogos 2025

Nasional

5

Inisiatif noktah isu perburuhan

Usaha KESUMA terus bela nasib pekerja berupaya wujud ekosistem kerja lebih baik

Oleh Latifah Arifin
latifah@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kesatuan sekerja utama di negara ini melihat keseriusan kerajaan bagi melindungi hak pekerja dalam sektor gig melalui Rang Undang-Undang (RUU) Pekerja Gig 2025 berupaya menamatkan pelbagai isu berkaitan perburuhan yang dihadapi mereka sebelum ini.

Presiden UNI-MLC, Datuk Mohamed Shafie BP Mammal, memuji komitmen Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) yang akhirnya berjaya memecahkan kebuntuan selepas sekian lama penggiat ekonomi gig tidak mendapat pembelaan sewajarnya.

"Tahniah kepada kumpulan pekerja ekonomi gig yang teguh membangkitkan isu (berkaitan masalah didapati mereka) sejak sekian lama.

"Hari ini, kita cukup teruja kerana akhirnya YB Steven Sim memecahkan kebuntuan yang selama ini kita kerap utarakan. Ia menunjukkan beliau dan KESUMA ada keberanian, kecekapan minda konstruktif untuk mengangakat martabat pekerja gig.

"Saya di pihak kesatuan yang ada 125 kesatuan gabungan termasuk pada peringkat antarabangsa mengucapkan tahniah kepada semua khususnya pekerja gig dan kita doakan RUU diluluskan sempena sambutan merdeka," katanya.

Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Datuk Abdul Halim Mansor pula melihat kejayaan KESUMA membawakan RUU itu satu kaedah terbaik bagi mewujudkan

kan satu ekosistem gig yang sejahtera daripada segenap aspek, terutama dalam kalangan pekerja.

"Saya berada dalam kesatuan pekerja selama 40 tahun dan industri ada majikan, namun yang disebut gig ini tidak ada.

"Jadi ramailah (pekerja sektor gig) yang datang kepada MTUC untuk tahu bagaimana mereka boleh diwakili (dalam isu dengan majikan), isunya peruntukan untuk bela nasib mereka tidak ada.

"RUU ini meluaskan skop untuk anda semua (pekerja gig) merasa sejahtera kerana jangan lupa mereka juga memainkan peranan kepada pembangunan ekonomi negara," katanya.

Sumbangan diharungi

Sementara itu, tindakan kerajaan mengiktiraf jurubahasa isyarat, penterjemah dan penulis transkripsi sebagai pekerja gig bukan platform dalam RUU Pekerja Gig menandakan anjakan paradigma dalam menghargai sumbangan mereka sebagai profesional penting kepada pembangunan negara.

Presiden Pertubuhan Kebangsaan Jurubahasa dan Penterjemah Bahasa Isyarat Malaysia (JUBEHIM), Lucy Lim, berkata melalui RUU itu, sedikit sebanyak membuka mata banyak pihak mengenai nasib bukan sahaja



Mohamed Shafie



Abdul Halim



Lucy Lim



Adrian Pereira



Farid Mahmud



S Karthigesan

pekerja dalam sektor e-hailing dan p-hailing, tetapi ramai lagi pekerja bebas yang kurang diberikan perhatian.

Lucy berkata, kerjaya sebagai penterjemah dan jurubahasa sering dianggap kerja sukarela, malah khidmat mereka sering dibayar tidak setimpal atas pelbagai alasan tidak munasabah.

"Profesional kami ini sering dilihat invisible (seolah tidak kelihatan). Sekian lama kami dipanggil untuk beri perkhidmatan terjemahan dan jurubahasa isyarat misalnya, tetapi dilihat hanya satu khidmat kebajikan dan tak dibayar.

"Bagi majikan yang ada pekerja dalam kalangan orang pekak atau bisu misalnya, mereka tak peka mengenai keperluan adanya jurubahasa isyarat, malah ada yang pertikaikan siapa dan mengapa perlu bayar (khidmat) kami.

"Di sinilah penting satu RUU yang membela semua keluhan dan masalah kami, secara tidak langsung profesion ini mendapat perlindungan apabila dikategorikan sebagai pekerja gig," katanya.

Dalam pada itu, pengasas The North South Initiative (NSI), Adrian Pereira, iaitu sebuah organisasi yang memperjuangkan hak perburuhan pekerja, berpandangan, RUU itu mempunyai pelan hala tuju yang jelas dan sak-

sama untuk semua pemegang taruh dalam industri gig.

Jelasnya, ia menyediakan mekanisme untuk mengimbangi perlindungan kedua-dua pihak iaitu pekerja dan penyedia platform dari segi pengagihan keuntungan dialog sosial serta mekanisme penyelesaian pertikaian yang adil dan berkesan.

"Dalam jangka masa panjang, ini akan menyebabkan kos operasi untuk pengendali platform menjadi lebih rendah kerana RUU ini memastikan keharmonian di pihak pemain industri termasuk majikan dan golongan pekerja," katanya.

Bagi pemandu e-hailing yang juga orang kurang upaya (OKU) pekak dan bisu, Farid Mahmud, pembentangan RUU itu disifatkannya sebagai rahmat dengan sekurang-kurangnya ada tempat untuk OKU bekerja sebagaimana golongan pekerja normal.

Beliau yang juga ahli Pertubuhan Advokasi dan Kesejahteraan Pekak Malaysia (DAWN) berkata, pasaran pekerjaan ketika ini amat terhad kepada golongan OKU, justeru, memasuki gig ekonomi adalah antara pilihan yang mereka ada.

"Ketika buat e-hailing pun saya masih terdedah dengan pelbagai cabaran terutama untuk berkomunikasi dengan penumpang yang normal.

"Malah kerana isu komunikasi ini kami sukar dapat pekerjaan dan akhirnya, kebanyakan yang senasib akan bekerja contohnya, sebagai pemandu e-hailing kerana masa fleksibel dan ini pekerjaan yang ada.

"Justeru, saya berharap RUU ini dapat diluluskan agar komuniti pekak tidak lagi berdepan pelbagai halangan dan bebas untuk bekerja," katanya.

Bukti kerajaan serius

Sementara Pengerusi Bersama Jawatankuasa Undang-undang Perindustrian dan Pekerjaan (IELC) Majlis Peguam, S Karthigesan, berkata Rang Undang-undang Pekerja Gig 2025 disifatkan langkah penting ke arah menyedai rangka kerja undang-undang jelas bagi ekonomi gig yang semakin berkembang.

Katanya, pengenalan definisi rasmi pekerja gig bersama mekanisme untuk penyelesaian pertikaian, perlindungan pendapatan dan sumbangan keselamatan sosial menunjukkan keseriusan kerajaan menangani jurang kawal selia yang berpanjangan dalam sektor ini.

"Badan Peguam Malaysia menyokong usaha memastikan perlindungan yang adil dan seimbang untuk semua pihak berkepentingan dalam ekonomi gig," katanya.

Penubuhan akta kembalikan maruah pekerja gig

Kuala Lumpur: Pertubuhan mewakili pekerja gig menyifatkan kejewjutan Akta Pekerja Gig 2025 nanti sebagai anjakan baharu dalam usaha mengembalikan maruah golongan itu di negara ini.

Menyifatkan ia langkah bersejarah bagi sektor itu, Ketua Aktivis Gabungan eHailing Malaysia (GEM), Jose Rizal berkata, undang-undang berkenaan akan menjadi *game changer* kepada pekerja gig di seluruh negara.

Menteri Sumber Manusia, Steven Sim, membacakan kali pertama Rang Undang-Undang (RUU) berkaitan di Dewan Rakyat, semalam.

Pembentangan RUU itu sekali gus menyelesaikan isu berkaitan hak perburuhan, gaji dan keselamatan pekerja gig.

Jose berkata, pihaknya yakin

kejayaan awal Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) membentangkan RUU yang julung kali itu bagi mewakili pekerja ekonomi gig di negara ini, satu permulaan positif untuk industri berkenaan diiktiraf sebagai bidang penting dalam ekosistem pekerjaan.

Katanya, langkah bersejarah itu menunjukkan, komitmen tinggi kerajaan bagi memartabatkan peranan penting pekerja gig dalam undang-undang pekerjaan.

Pada masa sama, memastikan hak dan kebajikan mereka dilindungi secara saksama sebagaimana pekerja dalam sektor lain.

"Alhamdulillah, saya mewakili



Jose Rizal



Khalil Salleh

lebih 20 ahli bersekutu berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan serta kumpulan sosial yang menyokong, khususnya penggiat p-hailing dan e-hailing menyambut baik langkah bersejarah ini.

"RUU ini anjakan baharu dibuat tepat pada masanya sebagai inisiatif mengangkat martabat

dan mengembalikan maruah pekerja gig di Malaysia.

"Kami yakin RUU ini satu *game changer* yang akan menjadikan industri gig lebih kukuh, terpelihara dan terjamin.

"Namun kami ingin ingatkan kemenangan hari ini bukan noktah. Ia tanda baru bermula dengan seluruh komuniti gig akan terus merapatkan saf bagi memperkukuh solidariti dan memastikan suara kolektif kita kekal kuat dalam mendepani babak baharu ini," katanya pada sidang media mengenai RUU Pekerja Gig 2025 di Pusat Media Parlimen, di sini, semalam.

Mewakili penggiat sektor fileman, Presiden Persatuan Pekerja Profesional Filem Malaysia (PROFIMA), Khalil Salleh, mengakui mereka kini boleh menarik nafas lega selepas hampir

50 tahun menunggu pembelaan sebagaimana diterjemahkan dalam RUU Pekerja Gig 2025.

"Setelah hampir 50 tahun kami tak dibela dan sukar untuk laporkan apa saja mengenai keresahan sebagai pekerja bebas, akhirnya derita kami didengar.

"Kami menyokong penuh pelaksanaan RUU ini dan yakin dapat berpuas kepadanya.

"Melalui RUU ini nasib pekerja filem daripada artis, suatradar dan semua yang terbit dalam industri seni akan terbelas.

"Sebelum ini puas kami mengadu di merata tempat, namun Alhamdulillah kerana Menteri Sumber Manusia yang mengangkat perkara ini, kami semua berharap suatu hari nanti kejayaan dapat dilakarkan," katanya.

Gig Workers Bill tabled in Parliament

■ BY HARITH KAMAL
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: More than 1.2 million Malaysians stand to gain stronger legal protection after the government tabled the Gig Workers Bill 2025 in Parliament yesterday, a move Human Resources Minister Steven Sim hailed as a “historic step” for the country’s growing platform economy.

Sim said the draft law was the result of months of engagement with thousands of stakeholders through consultation sessions, along with more than 500 online submissions received over the past year.

“This is not a Bill drafted out of thin air or mere imagination. It has been carefully designed after receiving feedback from all parties,” he told a press conference in the Dewan Rakyat.

The Bill, which Sim hopes will be debated and passed at its second and third readings this week, rests on four pillars: a clear statutory definition of gig workers, a formal grievance mechanism in line with a Federal Court ruling in 2024, provisions for fair payment negotiations between workers and platforms, and the extension of social security protection under Socso.

Sim acknowledged the legislation may not satisfy everyone but stressed it represented a balanced outcome after broad consultation.

“I appeal to all MPs, both government and opposition, to come together and pass this Bill so that our gig workers will no longer have to struggle alone to build the nation’s economy,” he added.

The minister said that beyond the 1.2 million gig workers, the law would indirectly benefit an estimated five to six million family members.

He also paid tribute to e-hailing and p-hailing drivers, childcare providers and other platform workers, noting that they “worked tirelessly to provide essential services”.

Akhbar	Kosmo!
Tarikh	26 Ogos 2025
Ruang	Negara!
Muka Surat	8

RUU Pekerja Gig 2025 hasil maklum balas banyak pihak

KUALA LUMPUR – Menteri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong menegaskan, Rang Undang-undang (RUU) Pekerja Gig 2025 bukan dibuat atas angin, imaginasi atau khayalan.

Beliau sebaliknya menegaskan, Rang Undang-undang (RUU) Pekerja Gig 2025 dirangka selepas melalui proses libat urus bersama pelbagai pihak berkepentingan.

Menurut beliau, Kementerian Sumber Manusia (Kesuma) yakin draf undang-undang tersebut mampu memberikan perlindungan asas yang lebih baik kepada golongan pekerja gig.

"RUU ini bukan dibuat atas



KEBAJIKAN kira-kira 1.2 pekerja gig akan dilindungi melalui RUU Pekerja Gig 2025.

angin, imaginasi ataupun khayal Kesuma semata-mata. Ia dirangka setelah mendapatkan maklum balas dari semua pihak.

"Sudah tentu ia tidak dapat memuaskan semua pihak, tapi semua pihak telah kita rujuk," katanya pada sidang akhbar di Dewan Rakyat di sini semalam.

Steven Sim berkata, beliau berharap semua pihak terutama Ahli Parlimen menyokong supaya RUU itu diluluskan bagi memastikan kebaajikan kira-kira 1.2 juta pekerja gig.

Ujar beliau, Ahli Parlimen wajar mengesetipkan perbezaan politik demi menayakan usaha memperkukuh kebaajikan pekerja

ekonomi digital.

"Ini supaya seramai 1.2 juta pekerja ini tidak lagi bertarung nyawa untuk bangunkan ekonomi negara dan berikan kesejahteraan kepada hidup kita," katanya.

RUU Pekerja Gig 2025 yang bertujuan memberi perlindungan dan mengiktiraf peranan pekerja sektor berkenaan dibenarkan untuk bacaan kali pertama di Dewan Rakyat hari ini.

RUU tersebut digubal bagi menyediakan rangka perundangan khusus untuk melindungi hak pekerja dalam sektor ekonomi digital termasuk penghantar makanan, pemandu e-hailing serta penyedia perkhidmatan bebas.

RUU bela hak 1.2 juta pekerja gig - Steven

Lebih 4,000 orang pemegang taruh sertai sesi libat urus RUU Pekerja Gig 2025

Oleh DIANA AZIS
KUALA LUMPUR

Bacaan kali pertama Rang Undang-Undang (RUU) Pekerja Gig 2025 di Dewan Rakyat membuktikan kerajaan proaktif dalam membela suara dan hak pekerja sektor gig di negara ini.

Menteri Sumber Manusia, Steven Sim berkata, ia menjadi detik penting untuk mengiktiraf lebih 1.2 juta pekerja gig di seluruh negara melalui ekosistem ekonomi gig lebih adil, progresif dan inklusif.

Menurutnya, langkah itu menyaksikan Malaysia bakal menyertai 15 negara terawal di dunia yang memberikan definisi jelas kepada pekerja gig.

"RUU Pekerja Gig 2025 adalah undang-undang baharu dan yang pertama diwujudkan bagi menjaga kebajikan pekerja sektor gig di negara ini. "RUU ini melalui pelbagai sesi libat urus merentas Kementerian dan kerajaan negeri khususnya kerajaan negeri Sabah dan Sarawak.

"Malah kita juga melalui hampir 40 sesi libat urus dengan pemegang taruh, syarikat platform, wakil pekerja, wakil majikan, persatuan pekerja gig, NGO (taduan bukan kerajaan), ahli



Bacaan kali pertama RUU Pekerja Gig 2025 di Dewan Rakyat bukti kerajaan proaktif membela suara dan hak pekerja sektor gig di negara ini. - Gambar hiasan

akademik dan sebagainya," katanya dalam sidang akhbar mengenai RUU Pekerja Gig 2025 di Parlimen pada Isnin.

Dalam pada itu beliau menjelaskan, Kesuma telah menganjurkan 37 sesi libat urus dengan pelbagai pemegang taruh antaranya 14 sesi bersama Kementerian, agensi serta kerajaan Sabah dan Sarawak.

Selain itu, 13 sesi bersama pekerja gig, penyedia platform dan bukan platform dan tujuh sesi bersama pemegang taruh serta pemain industri di enam zon utama iaitu di utara, tengah, selatan, pantai timur, Sabah dan Sarawak sejak 22 Oktober sehingga 7 Ogos lalu.

Beliau menjelaskan, lebih 4,000 orang pemegang taruh menyertai sesi libat urus untuk menghasilkan RUU berkenaan.

Di samping itu katanya, Kementerian

turut menerima lebih 500 maklum balas secara dalam talian dengan kesemuanya diambil kira dalam proses pengubahan RUU berkenaan.

Mengulas lanjut, Steven yang juga Ahli Parlimen Bukit Mertajam berkata, RUU terbabit merangkumi 10 bahagian dengan 112 fasal dengan tumpuan kepada empat teras utama iaitu definisi pekerja gig, pendapatan atau kadar bayaran, mekanisme penyelesaian pertikaian dan perlindungan sosial.

"Melalui RUU ini, adanya mekanisme kilanan (tidak puas hati) di mana kalau berlaku pertikaian, kita ada proses formal (untuk menyelesaikannya).

"Begitu juga isu mengenai bayaran, ia antara aduan utama pekerja gig ini. Mereka (sebelum ini) tidak ada apa-apa hak dalam penentuan isu kadar bayaran.

"Dengan adanya RUU ini, pekerja dan majikan sama-sama akan ada hak menentukan hala tuju mengenai bayaran, malah dilindungi dari segi keselamatan sosial melalui jaminan di bawah Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)," ujarnya.

'Keperluan undang-undang lindungi pekerja gig'

KUALA LUMPUR - Perjuangan membela nasib pekerja sektor gig perlu diperkukuh melalui Rang Undang-Undang (RUU) Pekerja Gig 2025.

Timbalan Presiden PKR, Nurul Izzah Anwar berkata, usaha tersebut amat penting kerana pekerja gig merupakan tulang belakang ekonomi negara terutamanya ketika negara berdepan pandemik Covid-19, ketika negara berdepan Covid-19 dulu? Pekerja gig menjadi barisan hadapan menjaga kita semua.

"Mereka bergerak siang malam dan meredah hujan panas semata-mata untuk pastikan ada makanan di atas meja kita," katanya dalam kenyataan di Facebook pada Isnin.

Nurul Izzah berkata, beliau menyokong penuh inisiatif bekas Menteri Ekonomi, Datuk Seri Rafizi Ramli dan Menteri Sumber Manusia, Steven Sim yang mahu memastikan RUU Pekerja Gig 2025 diluluskan segera demi mengiktiraf hak lebih 1.2 juta pekerja gig dalam undang-undang perburuhan negara.

"Semasa menjadi wakil rakyat terdahulu, isu pembelaan pekerja gig adalah antara perjuangan kita bersama. Kali ini lebih bermakna kerana saya dapat teruskan perjuangan ini bersama Steven," jelasnya.

Antara isu besar yang diutarakan pekerja gig ialah ketiadaan perlindungan sosial apabila berlaku kemalangan sehingga menjejaskan sumber pendapatan keluarga.

"Seorang pekerja gig pernah berkongsi, kawannya kemalangan dan terpaksa berehat lima bulan. Kereta boleh tuntut insurans tetapi dia langsung tidak mendapat pampasan.

"Anak isteri di rumah nak makan apa? Sebab itu syarat wajib dalam RUU ini ialah semua pekerja gig perlu dilindungi PERKESO, tiada pengecualian," katanya.

Selain itu, Nurul Izzah berkata, masalah akaun digantung akibat laporan palsu pelanggan tanpa ruang rayuan juga perlu ditangani segera.

"Dulu saya pernah cadang untuk tubuhkan tribunal khas bagi pekerja gig. Apa-apa masalah boleh dibawa terus ke tribunal. Kalau syarikat besar ini degil, kita kenakan denda yang berat," tegasnya.



NURUL IZZAH



Muka hadapan Sinar Harian pada Isnin.

Fokus perlindungan kesejahteraan pekerja - Cuepacs

SHAH ALAM - Perluasan perlindungan sosial seperti akses kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), caruman skim Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), insurans kewajipan kerja dan lain-lain manfaat antara perkara yang perlu dimasukkan dalam Rang Undang-Undang (RUU) Pekerja Gig 2025.

Setiausaha Agung Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja di Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs), Abdul Rahman Mohd Nordin berkata, status pekerjaan

seperti definisi pekerja tetap, bergaji, kontrak atau gig juga mesti jelas bagi memastikan hak-hak dasar dipenuhi.

Menurutnya, selain itu, pelaksanaan upah minimum yang adil, perlindungan jam kerja, aturan kerja serta pembayaran tepat pada masanya perlu diberikan perhatian serius.

"RUU ini juga mesti merangkumi aspek keselamatan kerja, hak cuti, perlindungan kesihatan dan mekanisme penyelesaian sengketa.

"Dari segi pengawasan platform pula, perlu ada ketelusan tentang bagaimana platform bertanggungjawab terhadap pekerja gig," katanya dalam kenyataan pada Isnin.

Mengulas lanjut, Abdul Rahman berkata, pendirian Cuepacs terhadap isu pekerja gig secara umumnya berlandaskan fokus kepada perlindungan dan kesejahteraan pekerja.

Justeru katanya, Cuepacs menyokong pendekatan yang meningkatkan perlindungan sosial

buat pekerja, termasuk mereka yang berstatus gig.

"Cuepacs kerap meneliti implikasi kos kepada anggaran negara, terutama apabila skim perlindungan baharu memerlukan sumbangan tambahan daripada pekerja atau syarikat serta platform.

"Dalam konteks keseimbangan antara perlindungan pekerja dan kelangsungan pekerjaan formal, Cuepacs berpandangan perlu ada perlindungan tanpa membebankan anggaran negara atau tenaga kerja sedia ada," ujarnya.



ABDUL RAHMAN

Oleh Mohammad
Khairil Ashraf Mohd
Khalid
khairil.ashraf@hme-
tro.com.my

Kuala Lumpur

Rang Undang-Undang (RUU) Pekerja Gig 2025 bagi memberi perlindungan dan mengiktiraf peranan 1.2 juta pekerja sektor berkenaan dibentang untuk bacaan kali pertama di Dewan Rakyat, semalam.

Menteri Sumber Manusia, Steven Sim ketika membentangkan RUU itu berkata, bacaan kali kedua dan ketiga akan dibuat pada persidangan kali ini.

"Selepas penantian bertahun-tahun, 1.2 juta pekerja gig yang merupakan daya tenaga membangunkan ekonomi negara memberikan keselesaan kepada kehidupan kita, berhempas-pulas bermandi keringat (bagi) mencari sesuap nasi (dan) rezeki halal, saya mohon untuk mengemukakan RUU Pekerja Gig 2025," katanya di Dewan Rakyat, semalam.

Sim kemudian semasa sidang medianya menyifatkan RUU Pekerja Gig 2025 adalah undang-undang pertama bagi menjaga kebajikan pekerja gig.

Katanya, RUU ini sudah melalui pelbagai sesi libat urus dalaman kerajaan, Kementerian Berkaitan dan kerajaan negeri khususnya Sabah dan Sarawak.



RUU Pekerja Gig 2025 bakal memberi perlindungan dan mengiktiraf peranan 1.2 juta pekerja sektor itu.

BACAAN KALI PERTAMA

RUU Pekerja Gig 2025 dibentang

Selain itu katanya, ia juga melalui hampir 40 sesi libat urus bersama pemegang taruh yang terdiri daripada syarikat platform, wakil majikan, wakil pekerja, persatuan pekerja gig, kesatuan sekerja, badan bukan kerajaan (NGO) dan ahli akademik.

"Kira-kira 4,000 pemegang taruh telah menyertai sesi libat urus untuk menghasilkan RUU kali ini.

"Dalam setahun ini, kita juga membuka ruang memberikan maklum balas dalam talian dan hasilnya lebih kurang 500 maklum balas kita telah terima," katanya.

Sim berkata, RUU itu bukan dibuat atas angin, sebaliknya dirangka selepas mendapat maklum balas daripada semua pihak.

"Sudah tentu ia tidak dapat memenuhi satu pihak

semata-mata, tetapi semua pihak kita telah rujuk dan akhirnya ada RUU ini.

"Saya harap semua pihak khususnya pembangkang dan kerajaan sama-sama meluluskan RUU ini.

"Ia supaya pekerja gig tidak lagi bertarung nyawa untuk bangunkan ekonomi negara bagi memberikan keselesaan hidup (kepada) kita khususnya e-hailing dan p-hailing," katanya.

6 Nation

THE STAR, TUESDAY 26 AUGUST 2025

Giving gig workers their due

Bill tabled to provide professional recognition, protection and social security

By MARTIN CARVALHO
mart3@thestar.com.my

PETALING JAYA: The role and contribution of gig workers in this country will finally get due recognition with the tabling of the Gig Workers Bill.

Gig workers, particularly p-hailing delivery riders, played a vital role during the Covid-19 lockdowns and the service has since grown to become part of the economy, said Malaysian Trade Union Congress (MTUC) president Datuk Abdul Halim Mansor.

However, they have little or no representation.

"Many gig workers came to MTUC, asking us to represent them but we were not able to do so because there was no legal provision.

"The proposed law will now widen the scope to include gig workers," he said at a joint press conference in Parliament yesterday.

Malaysian Bar Industrial and Employment Law Committee co-chairperson S. Karthigesan said the Bill will provide a clear legal framework for the gig economy by introducing a statutory definition for gig workers.

"This includes a mechanism for dispute resolution, income protection and social security contributions," he said.

North-South Initiative co-founder and executive director Adrian Pereira said that extensive consultations and engagements were held over a two-year period to draft a comprehensive law.

"There should be no excuses

saying that no consultations were held," he said, describing the proposed law as a win-win for all involved.

Research has shown that setting a minimum wage for gig workers would result in better productivity while developing the industry into a stable and professional workforce for the nation, he said.

Malaysian Artists' Association (Karyawan) president Datuk Freddie Fernandez said the proposed law would provide some protection for those in the music industry, which is a whole ecosystem comprising musicians, soundmen and concert crew.

"There are no regulations or laws that cover the employment of musicians, singers and those in the creative industry.

"A lot of their issues remain

unresolved such as not getting paid or late payments with no avenue to recourse. The new law will settle those issues," he said.

Malaysian e-hailing Association chief activist Jose Rizal said the proposed law will be a "game-changer".

"It will transform the environment of the gig industry to make it stronger, more protected and secure."

He said the industry will enter a new chapter when the Bill is passed.

Malaysia E-Hailing Drivers Association president Daryl Chong said the proposed law was the first step toward basic dignity and fairness for gig workers.

"This law finally gives them recognition, access to dispute resolution and a seat at the table to negotiate fair pay.

"This Bill must be a starting point. Gig workers deserve full protection, fair wages, and respect for their contribution to our economy," he said.

Interpreters and Translators Association president Lucy Lim said that for years, interpreters and translators were considered an "invisible profession" whose services were provided free of charge or on charity.

"The hearing impaired find it difficult to hire us as translators or spokespersons for events such as townhall meetings. This is because there is usually a dispute as to who is going to pay for our services," she said.

The Bill gives recognition to interpreters and translators as a profession offering professional and ethical services for the hearing impaired.

Sim: Thousands helped shape Gig Workers Bill

By RAHIMY RAHIM and
RAGANANTHINI VETHASALAM
newsdesk@thestar.com.my

KUALA LUMPUR: The Gig Workers Bill, which will benefit some 1.2 million people, was the result of a comprehensive and inclusive engagement process, says Human Resources Minister Steven Sim.

"This was not crafted in isolation, in the comfort of air-conditioned rooms in Putrajaya," he said of the Bill, which was tabled in Parliament yesterday.

"We engaged not only in consultations within the government, involving multiple ministries, state governments, particularly Sabah and Sarawak. We also held nearly 40 stakeholder engagement sessions involving platform companies, employer groups, worker representatives, gig worker associations, trade unions and academics and others.

"In total, around 4,000 stakeholders participated in crafting this Bill," Sim added.

The Bill revolves around four main components – the definition of gig workers, a dispute

resolution mechanism, addressing payment issues and social protection for gig workers under PERKESO.

Sim said the drafting of the Bill followed the mandate given by the Prime Minister in March 2024 for his ministry to develop a protection mechanism for gig workers.

"This Bill is the first of its kind, dedicated to safeguarding the welfare of gig workers," he told a press conference at the Parliament building yesterday.

Beside platform providers like e-hailing and p-hailing services, the Bill will also cover actors, film crew, singers, musicians, composers, lyricists, make-up artists, hair stylists and stylists.

Interpreters, translators, transcribers, stringers, caregivers, photographers and videographers are also included.

Under Clause 8, the Bill stipulates that gig workers have the right to be informed of their service terms, agreed tasks, rates, earnings and payment methods.

They cannot be unfairly terminated, and have access to dispute resolution. The Bill also aims to give rights for gig workers to be



issued payslips.

A contracting entity cannot deduct from a gig worker's earnings, tips, or gratuities unless it is to recover an overpayment made within three months, which is permitted by law or is approved by the Labour director-general.

Under Clauses 24 and 25, it provides for the setting up of a Gig Workers Tribunal to hear and decide disputes referred by a conciliator.

"The tribunal can grant awards it deems fair, including consequential losses or damages,"

said Sim.

Under Clause 83, it outlines the duties of contracting entities, including submitting gig workers' details to PERKESO and deducting their contributions as well as ensuring their registration under the Self-Employment Social Security Scheme.

The Bill also seeks to give rights to gig workers to join, participate in, or establish a gig workers' association.

Sim said the ministry had, over the span of a year, reached out and opened channels for online

public feedback and received more than 500 submissions.

"It was drafted based on the voices and feedback from all quarters.

"Of course, no law can satisfy every party completely, but this is a balanced, necessary step forward," he said.

WATCH THE VIDEO
TheStarTV.com



TUESDAY, AUGUST 20, 2025 • NewStraitsTimes

Nation / NEWS | 3

'HISTORIC MILESTONE'

GIG WORKERS BILL TABLED IN PARLIAMENT

It aims to safeguard welfare and rights of 1.2 million workers

LUQMAN HAKIM
AND NOR AIN MOHAMED RADHI
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

THE Gig Workers Bill 2025, which seeks to formally recognise and protect the rights of Malaysia's 1.2 million gig workers, was tabled for its first reading in the Dewan Rakyat yesterday.

Human Resources Minister Steven Sim described the development as a "historic milestone" in labour reform, marking the first time gig workers would be acknowledged in law with comprehensive safeguards for their welfare.

He expressed hope that the bill could be passed swiftly, saying: "I appeal to all parties. This bill was not drafted based on imagination, but after extensive consul-

tation with every stakeholder. Of course, it cannot meet all demands, but it represents a collective outcome."

The bill stemmed from Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim's call during the Bumiputera Economic Congress in March 2024 to address challenges faced by gig workers.

Following this, the Human Resources Ministry commissioned a study with Universiti Malaya and later established a drafting committee comprising ministry agencies and the Attorney-General's Chambers.

From October 2024 to August this year, 37 engagement sessions were held with more than 3,800 stakeholders, including gig workers, platform operators, unions, employers, government agencies and state authorities in Sabah and Sarawak.

These included two special meetings with the deputy prime minister, a town hall chaired by Sim, and 13 focused sessions with

workers and platform providers.

Under the bill, all service agreements between contracting entities and gig workers must clearly state obligations, terms of service and payment details, with any clause less favourable than the protection guaranteed under the act deemed void.

Gig workers will also be entitled to fundamental rights, including protection from discrimination and unfair termination, payment within seven days if no period is specified in the agreement, access to dispute resolution mechanisms and the right to request earnings slips.

To resolve disputes, the bill establishes a Gig Workers Tribunal with powers equivalent to a Sessions Court order. Its awards, which may include reinstatement, compensation or compliance orders, will be binding, though parties may appeal to the High Court within 14 days.

The bill also makes social security coverage mandatory, re-



Steven Sim

GIG WORKERS BILL 2025'S KEY COMPONENTS

- SERVICE AGREEMENTS**
 - Must clearly state obligations, terms and payment details.
- FUNDAMENTAL RIGHTS**
 - Protection from discrimination and unfair termination.
 - Payment within seven days (if not specified in contract).
 - Access to dispute resolution.
 - Right to request earnings slips.
- GIG WORKERS TRIBUNAL**
 - Dedicated body for disputes.
 - Powers equal to a Sessions Court.
 - Awards – reinstatement, compensation and compliance orders.
 - Appeals allowed to High Court within 14 days.
- SOCIAL SECURITY**
 - Mandatory registration under Self-Employment Social Security Scheme.
 - Platform providers must deduct and remit contributions.
 - Fine or imprisonment for non-compliance.
- OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH**
 - Risk assessments, safety measures, training in emergency procedures.
 - Compliance with safety rules.



quiring platform providers to register workers under the Self-Employment Social Security Scheme, deduct contributions and remit them.

Failure to comply will be deemed an offence punishable by fines or imprisonment.

In addition, contracting entities must fulfil occupational safety and health obligations, including risk assessments, safety training and emergency procedures, while workers must adhere to

these rules.

Sim said the government aimed to secure bipartisan support for the bill, which he described as "a turning point in our labour legislation".

"For the first time, gig workers will be formally acknowledged in law, and their rights and welfare protected comprehensively."

The second reading is scheduled for this parliamentary session, which concludes on Thursday.

'GAME CHANGER'

Activists laud 'win-win formula' while critics warn of risks

KUALA LUMPUR: The Gig Workers Bill, tabled for its first reading in the Dewan Rakyat yesterday, is expected to evolve over time to provide stronger protection for gig workers.

Despite calls to address perceived gaps in the draft law, Gabungan eHailing Malaysia (GEM) chief activist Jose Rizal said the Human Resources Ministry had already carried out a lengthy and comprehensive engagement process with the gig industry prior to its tabling.

As such, he said there should be no further reason to delay its passage.

"The bill should be expedited to the second and third readings in the Dewan Rakyat and then to the Dewan Negara, without postponement."

Jose said the bill currently addressed four key areas: a clear definition of gig workers, the de-

termination of wage rates, a complaints and dispute resolution mechanism, and social protection.

"These are the core pillars that the gig community has long demanded. We believe that the bill will continue to evolve over time to boost worker protection."

"It is not merely a legal document, but also a form of validation and recognition of the gig workforce."

"It is a game changer that marks a turning point in safeguarding the welfare and rights of more than 1.2 million Malaysians who depend on the gig economy," he added.

Similarly, North South Initiative executive director Adrian Pereira said the bill contained an inbuilt mechanism for continuous improvement, allowing issues to be monitored and addressed through a Consulta-

tive Council.

He described it as a "win-win formula" that reflected the International Labour Organisation's decent work agenda, encompassing the right to work, workplace protections, social dialogue and extended social protection.

"The bill will enable genuine social dialogue through the proposed consultative council, which will continuously monitor issues and propose improvements. We have also worked closely with stakeholders, including GEM and Malaysian gig workers, to ensure their stories and struggles are reflected in the recommendations."

"The process has been comprehensive, with open consultations, dialogues and forums. There can be no claim of a lack of transparency or inclusivity — there has been more than sufficient engagement," he said.

Addressing concerns that the bill might harm businesses, Pereira cited research by economists David Card and Alan Krueger, which showed that fair minimum wage standards could reduce staff turnover, boost productivity and improve service quality.

He said applying these principles to the gig economy would create a more stable and professional workforce, benefiting consumers while lowering operating costs for platforms.

However, MY Mobility Vision cautioned that the bill contained structural weaknesses that could undermine its objectives.

In a statement, the group said while the bill proposed the establishment of a tribunal and a Consultative Council, both mechanisms appeared skewed against workers, with no guarantee of genuine representation.

"Workers are barred from legal representation in the tribunal, while platforms will retain full access to legal teams."

"The Consultative Council is dominated by ministerial appointees, with no guarantee of majority worker representation. This risks tokenism rather than genuine consultation," it said.

Drawing on international examples, it pointed to Spain's Rider Law — which led to Deliveroo's exit from the market — and India's Rajasthan Gig Workers Act 2023, which faced strong resistance from smaller platforms.

"Malaysia risks repeating these mistakes. The reality is that this bill will not weaken large players such as Grab; instead, it will entrench their dominance, drive smaller platforms out of the market, reduce competition and leave workers with fewer choices," the group warned.